

07 MAR 2000

Umno-Sik

SIK CALON DR MAHATHIR DAN PAK LAH

SIK, 7 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Sik hari ini mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti itu Mei ini.

Bahagian itu juga mencalonkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden.

Bagi tiga kerusi Naib Presiden Umno, bahagian itu mencalon Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Seri Abdul Ghani Othman dan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Bahagian Sik merupakan bahagian pertama daripada 15 buah bahagian Umno di negeri ini yang mengadakan mesyuarat perwakilannya.

Nama-nama calon itu dicadangkan oleh Ketua Penerangan Umno Bahagian Mohamad Hadzir Jaafar dan disokong sebulat suara oleh 300 anggota perwakilan melalui undi secara angkat tangan.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap Umno, bahagian itu mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, dan mencadangkan Timbalan Ketua Umno Bahagian Pokok Sena Wan Hanafiah Wan Mat Saman bagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Umno.

Bagi jawatan anggota Majlis Tertinggi, bahagian itu mencalonkan antara lain Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Yusof Noor, Datuk Dr Affifuddin Omar, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Seri Osu Sukam, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Turut dicalonkan untuk jawatan MT ialah Datuk Mohd Nazri Aziz, Datuk Azmi Khalid, Datuk Mohd Shafie Apdal, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh, Datuk Dr Hilmi Yahaya;

Datuk Khalid Yunus, Datuk Ruhanie Ahmad, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Awang Jabar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Shariff Omar, Datuk Mustapa Mohamed, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, Datuk Zainol Abidin Abdul Kadir dan Abdul Azim Mohd Zabidi.

-- BERNAMA

MZM NMO